

Malaysia mahu perkasakan lagi hubungan sedia ada

Turkiye amat istimewa - PM

Oleh **MOHD. FADHLI**
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Turkiye bukan sahaja mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia, malah mempunyai kedudukan sangat istimewa sehingga membuatkan negara ini sanggup menghulur pelbagai jenis bantuan susulan tragedi bencana gempa bumi yang berlaku.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, adalah menjadi tanggungjawab Malaysia menyalurkan bantuan kemanusiaan apabila sesuatu negara berada dalam kesukaran selain Turkiye antara negara pertama yang memberi bantuan apabila Malaysia berdepan masalah ekonomi dan selain mudah cara dalam menyelesaikan masalah sesebuah negara.

"Jadi, saya mahu memperkasakan lagi hubungan ini. Malah, orang ramai juga mencurahkan simpati di seluruh negara (Malaysia). Ini sangat menakjubkan," katanya dalam temubual bersama koresponden diplomatik, Andrew Hopkins yang disiarkan di laman web *TRT-World*.



ANWAR Ibrahim bertemu dengan anggota pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) serta antarabangsa yang membantu mangsa gempa bumi di Nurdagi, Turkiye. kelmarin.

Ditanya kenapa beliau tetap datang ke negara itu secara peribadi walaupun Malaysia telah menghulurkan bantuan dan menghantar pasukan penyelamat lebih awal, Anwar berkata, menjadi tanggungjawabnya menyatakan terima kasih kepada pasukan penyelamat dan menzahirkan perasaan

simpati serta sokongan kepada Presiden (Recep Tayyip Erdogan) dan rakyat Turkiye.

"Alasan utama sudah pasti ialah Malaysia menunggu kelulusan daripada kerajaan Turkiye dan biarkan kerajaan fokus dahulu akan kepada perkara yang berlaku, jadi tiada masa (untuk Turkiye) untuk menguruskan

lawatan daripada negara-negara luar.

"Tetapi, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk berterima kasih kepada semua pasukan dan nyatakan perasaan simpati dan sokongan saya kepada Presiden Turkiye dan seluruh rakyat di negara ini," katanya.